

55

NO. SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH
[BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 13 MAC 2018

RUJUKAN : 10568

SOALAN :

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk tidak mengekstradisi sebelas warganegara CHINA yang berbangsa Islam Uighur memandangkan kemungkinan besar mereka akan diancam (*persecuted*) sekiranya diekstradisi balik ke negara asal mereka. Sekiranya tidak, nyatakan alasannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seramai 11 orang etnik Uighur telah ditahan oleh pihak keselamatan Malaysia pada 5 Januari 2018 kerana melarikan diri dari Pusat Tahanan Imigresen Sadao, Thailand di bawah Seksyen 26A di bawah Akta Anti Pamerdagangan Orang & Anti Penyeludupan Migran 2017 Prosedur Siasatan Seksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 kerana kesalahan menjalankan penyeludupan migran.

Kesemua 11 individu telah dibebaskan selepas tempoh reman 28 hari dan ditangkap semula pada 31 Januari 2018 bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak mempunyai pas atau permit yang sah untuk tinggal di Malaysia.

Perbicaraan telah bermula pada 13 Febuari 2018 di Mahkamah Seksyen Jalan Duta, Kuala Lumpur. Sebutan semula kes adalah pada 15 Mac 2018 di mahkamah sama kerana pihak peguambela mahu menyediakan jurubahasa kepada tertuduh. Selepas keputusan kes diketahui, pihak Kerajaan Malaysia akan menyerahkan kesemua tahanan kepada Thailand. Republik Rakyat China telah bersetuju dengan keputusan Malaysia menyerahkan kembali 11 tahanan etnik Uighur yang melarikan diri dari Pusat Tahanan Imigresen Sadao kepada Kerajaan Thailand.